

Pelajar kolej USIM bina kejayaan

SEREMBAN 8 Okt. - Kolej Permata Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menerima pelajar pertama pada 17 Januari lalu, kini telah melakar beberapa sejarah kejayaan sejajar dengan sistem pembelajaran yang bersifat intelektual.

Pengarahnya, Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh berkata, antaranya ialah kaedah tumpuan pelajar (student-centered), pembelajaran dari proses pembuatan makna, pemahaman atau melalui pengalaman (experiential learning); pembelajaran dari punca masalah (problem base learning) serta pembelajaran menggunakan medium elektronik (e-Learning).

"Ini dilaksanakan melalui kurikulum pelajar pintar cerdas yang telah dimanipulasi, dipacu dan diperkayakan sesuai dengan kemampuan intelektual mereka," katanya di Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Katanya melalui medium itu, pelajar seramai 48 orang itu telah pun menunjukkan bakat dan kebolehan masing-masing seiring

dengan pencapaian akademik.

"Pada Mei lalu, seorang pelajar kolej ini iaitu Maizatul Nadzirah Mohamad Nadzri telah dianugerahkan sebagai pelajar cemerlang sebuah akhbar tempatan," katanya.

Tambah Nik Salida Suhaila, kejayaan pelajar kolej itu turut terselenggara dalam Islamic Education Leadership Summit 2015 di Putrajaya di mana 18 pelajar telah terpilih sebagai pembentang manifestasi teknologi pembelajaran abad ke-21 kepada delegasi daripada institusi pendidikan tinggi tempatan dan antarabangsa.

"Pelajar ini telah mendemonstrasikan pembikinan buku digital berasaskan i-Book dan pengaplikasiannya dalam sistem pembelajaran 'smart classroom' berasaskan integrasi ilmu naqli dan aqli," katanya.

Jelasnya, pada 8 Ogos lalu, seorang lagi pelajar kolej, Ahmad Faiz Yazid telah dinobatkan sebagai juara pertandingan menulis lirik lagu 'Saya Anak Merdeka' sempena Hari Kebangsaan 2015.